

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Pejabat Pembangunan Pelajar & Alumni UUM CAS
Sent: Sunday, April 29, 2018 3:09 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Cc: Dr. Massudi bin Mahmuddin
Subject: PENGALAMAN MENARIK JUMANJI TRIP DI PANTAI MERDEKA



**Pejabat Pembangunan
Pelajar dan Alumni**

STUDENT DEVELOPMENT & ALUMNI OFFICE

Universiti Utara Malaysia

29 APRIL 2018 / 13 SYAABAN 1439H

=====

"UUM:UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

PENGALAMAN MENARIK JUMANJI TRIP DI PANTAI MERDEKA

Pantai Merdeka, 27 April - Program Jumanji Trip ini diadakan pada 26 -27 April,2018 di Pantai Merdeka iaitu pada hari Khamis dan Jumaat. Program ini dianjurkan oleh Persatuan Pendidik UUM untuk memberikan peluang kepada mahasiswa dan mahasiswi untuk menjalankan program di luar kampus UUM dengan mengadakan aktiviti-aktiviti yang amat menyeronokkan kepada semua peserta Jumanji dan AJK sekali. Seramai 19 orang AJK Pelaksana termasuk Pengarah program iaitu Nor Haziqah Safariza Bt Md Salehin telah berjaya menjalankan program ini sebaik mungkin dengan menerima sokongan oleh Encik Ahmad B. Othman, Pelatih Kembara UUM sepanjang program ini.



Program ini juga terbuka kepada mahasiswa dan mahasiswi dari persatuan pendidik seramai 30 pelajar untuk menyertai program ini. Selain itu, banyak aktiviti –aktiviti yang menarik dilaksanakan sepanjang 2 hari kepada semua peserta supaya mereka dapat menikmati program yang dijalankan sekitar alam semula jadi. Perkhidmatan yang selesa dan efektif juga ditawarkan kepada semua peserta sepanjang program ini supaya mereka dapat memberikan komitmen dan kerjasama yang tinggi kepada program ini.

Peserta-peserta yang menyertai program ini amat berpuas hati dan berasa seronok dengan perkhidmatan yang disediakan serta dengan aktiviti-aktiviti yang menarik sepanjang 2 hari di Pantai Merdeka. Dapat disimpulkan bahawa, program ini dapat memberi impak yang sangat positif dengan mewujudkan kerjasama yang baik dan merapatkan hubungan yang erat antara pelajar junior dengan senior melalui trip ini. Tanpa kerjasama atau komitmen yang baik ini tidak berhasillah program sebaik ini bak kata pepatah “bersatu kita teguh, bercerai kita roboh”.

Tamat.

=====

Students Development & Alumni Office
UUM College of Arts & Sciences
Tel: 049285307/5507 | Faks: 049285310
Email:cas-sadc@uum.edu.my
Website:ppacas.uum.edu.my



Students Development & Alumni Office



@ppauumcas

=====



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.